

Oleh MUNSIFY JAWI

Dalam keluaran lalu, anda telah didedahkan dengan kepentingan huruf hamzah dalam tulisan Jawi. Kali ini perbincangan tentang huruf yang mempunyai pelbagai fungsi ini akan diteruskan lagi, khususnya berkaitan dengan kedudukannya dalam perkataan.

Hamzah merupakan satu-satunya huruf yang dikategorikan sebagai huruf berumah. Huruf ini tidak boleh bersambung, sama ada dengan huruf sebelumnya, atau huruf selepasnya. Kedudukannya agak unik kerana kadangkala huruf ini boleh berada di atas huruf alif, tergantung di belakang huruf alif, berdiri di atas huruf saksi wau atau ya, terapung di antara sambungan dua huruf, atau dalam keadaan tunggal.

Bagi perkataan yang kedudukan hamzahnya berada di tengah perkataan, huruf ini ditulis di sebelah atas "rumah" yang disediakan sebagai penyambung antara huruf yang ada sebelumnya dengan huruf yang selepasnya. Perkataan yang termasuk dalam kategori ini ialah "masalah" dan "malaikat". Contoh ejaan perkataan-perkataan ini ditunjukkan dalam Jadual 1.

Walau bagaimanapun, ada ketikanya huruf hamzah "tidak berumah". Misalnya, dalam perkataan yang mengandungi hamzah pada awal, hamzah ditulis di tengah garisan tanpa "rumah"

Rumi	Jawi
malaikat	ملائكة
masaiah	مسئله

Jadual 1 Huruf hamzah ditulis di sebelah atas "rumah" yang menjadi penyambung huruf sebelumnya dengan huruf selepasnya.

Di Manakah Kedudukan

Hamzah?



Bagi perkataan yang kedudukan hamzahnya berada di tengah perkataan, huruf ini ditulis di sebelah atas "rumah" yang disediakan sebagai penyambung antara huruf yang ada sebelumnya dengan huruf yang selepasnya.

secara berdekatan dengan huruf yang hadir selepasnya. Hal ini dapat dilihat pada ejaan kata nama khas bukan Melayu seperti "Ng" dan "Ong". "Ng" dieja dengan hamzah-nga, yang memperlihatkan kehadiran huruf hamzah sebelum huruf nga. Dalam perkataan ini, huruf hamzah wujud sebagai pengganti huruf alif, yang dieja secara berdekatan dengan huruf nga yang hadir selepasnya. "Ong" pula dieja dengan hamzah-wau-nga dengan huruf wau dieja tanpa "rumah" sebelum huruf wau. Contoh ejaan perkataan-perkataan ini dapat dilihat dalam Jadual 2.

Bagi perkataan yang mengandungi bunyi diftong [au], [ai] atau [oi] pula, huruf hamzah ditulis tanpa "rumah" di tengah garisan, sama ada dengan diapit oleh huruf alif dengan huruf ya (dalam perkataan yang mengandungi diftong [ai] di awal kata), atau huruf alif dengan huruf wau (diftong [au]). Contohnya, perkataan "aising"

Rumi	Jawi
Ong	ءونغ
Ng	ءنغ

Jadual 2 Huruf hamzah dieja tanpa "rumah" secara berdekatan dengan huruf yang hadir selepasnya.

yang mengandungi bunyi diftong [ai] dieja dengan alif-hamzah-ya-sin-ya-nga, manakala perkataan "audio" dieja dengan alif-hamzah-wau-dal-ya-wau. Dalam keadaan ini, huruf hamzah ditulis tanpa rumah di tengah garisan dengan diapit oleh huruf alif dengan huruf wau (diftong [au]) atau huruf alif dengan huruf ya (diftong [ai]). Harus diingatkan bahawa situasi ini hanya berlaku pada perkataan yang mengandungi bunyi diftong [au] atau diftong [ai] pada awal kata. Ejaan perkataan ini diperturunkan dalam Jadual 3.

Bagi huruf hamzah yang berfungsi sebagai pemisah di antara dua huruf vokal, sama

Rumi	Jawi
audio	ءاوءيو
aising	ءايسينغ

Jadual 3 Kedudukan huruf hamzah dalam perkataan yang mengandungi bunyi diftong [au], atau [ai].

ada [ai], [au] atau [ui] di tengah perkataan yang berpola KVVK seperti "kain", "kaut" dan "kuih", kedudukannya berada di tengah-tengah antara dua vokal tersebut. Kewujudan huruf hamzah di antara huruf alif dengan huruf ya dalam perkataan "kait", dapat mengelakkan perkataan ini daripada disebut sebagai "kayat". Pembaca juga tidak akan tersilap menyebut perkataan "kaut" sebagai "kawat" dan perkataan "kuis" sebagai "kuyas". Huruf hamzah dalam perkataan ini ditulis secara tergantung pada belakang huruf alif. Contoh ejaan ketiga-tiga perkataan ini dapat dilihat dalam Jadual 4.

Rumi	Jawi
kait	كائت
kaut	كاوت
kuis	كويس

Jadual 4 Kedudukan huruf hamzah yang berfungsi sebagai pemisah di antara dua huruf vokal [ai], [au] atau [ui] di tengah perkataan yang berpola KVVK.

Kedudukan huruf hamzah dalam kata atau istilah serapan daripada bahasa Arab pula ditulis seperti kedudukannya dalam bahasa sumber. Misalnya, jika dalam bahasa Arab huruf hamzah dalam perkataan "makmum" berada di atas huruf alif, maka begitulah juga keadaannya dalam

Huruf hamzah dalam perkataan ini ditulis tanpa rumah selepas huruf wau (bagi perkataan "wuduk") dan selepas huruf alif (bagi perkataan "anbia"). Bagi perkataan "al-Quran" pula, huruf hamzah ditulis tanpa rumah sebelum huruf alif.

tulisan Jawi. Namun begitu, kedudukan huruf hamzah dalam perkataan ini berbeza daripada perkataan seperti "wuduk" dan "anbia" yang huruf hamzahnya ditulis tanpa rumah. Huruf hamzah dalam perkataan ini ditulis tanpa rumah selepas huruf wau (bagi perkataan "wuduk") dan selepas huruf alif (bagi perkataan "anbia"). Bagi perkataan "al-Quran" pula, huruf hamzah ditulis tanpa rumah sebelum huruf alif. Jadual 5 menunjukkan perbezaan kedudukan huruf hamzah dalam perkataan-perkataan ini.

Rumi	Jawi
wuduk	ءوضوء
anbiya	انبياء
makmum	ماموم
al-Quran	القرءان

Jadual 5 Kedudukan huruf hamzah yang berfungsi sebagai pemisah di antara dua huruf vokal [ai], [au] atau [ui] di tengah perkataan yang berpola KVVK.

Sebagaimana yang telah dipelajari dalam ruangan yang lalu, apabila kata dasar yang bermula dengan huruf alif dimasukkan dengan kata hadapan "se-" "ke-" atau "di-", maka huruf hamzah diperlukan sebagai pembatas. Dalam kes ini, huruf hamzah diletakkan di atas

huruf alif yang terdapat pada awal kata dasar tersebut. Walau bagaimanapun, kemasukan kata hadapan ini tidak mengubah kedudukan asal huruf hamzah yang berada di bawah huruf alif dalam kata dasar seperti "Islam", "eh" dan "e-mel". Kedudukannya tetap berada di bawah huruf alif meskipun perkataan ini menerima kemasukan satu daripada kata hadapan tersebut. Contoh kedudukannya dapat dilihat dalam Jadual 6.

Rumi	Jawi
se + utas	سءاوتس
ke + enam	كءانم
di + atur	ءاءتور
di + e-mel	ءاي - ميل

Jadual 6 Kedudukan huruf hamzah yang berfungsi sebagai pembatas antara kata dasar dengan kata hadapan "se-" "ke-" dan "di-".

Demikianlah beberapa perbezaan kedudukan huruf hamzah dalam perkataan. Pengguna tulisan Jawi perlu peka akan perbezaan ini supaya huruf hamzah dapat menyerlahkan fungsi kewujudannya dalam sesuatu perkataan. Hal ini bertepatan dengan kepentingannya dalam tulisan Jawi sebagaimana huruf alif. DB